

**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 11 TAHUN 1999

**PEMBATALAN PENGURANGAN IMBUHAN TETAP KERAJIAN
DAN
IMBUHAN TETAP KHIDMAT AWAM**

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan membatalkan arahan pengurangan Imbuhan Tetap Kerajaan (ITK), Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA), Elaun Kerajaan (EK), dan Elaun Khidmat Awam (EKA) sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 1997.

LATAR BELAKANG

2. Selaras dengan keputusan Kerajaan sebagaimana dijelaskan di dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 1999, maka arahan pengurangan ITK, ITKA, EK atau EKA bagi anggota Perkhidmatan Awam ditarik balik.

PELAKSANAAN

3. Ketua Jabatan hendaklah membayar semula kadar ITK atau ITKA, mana yang berkenaan atas kadar yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1996 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 1996.

4. Bagi anggota dibawah skim perkhidmatan Jawatankuasa Kabinet, Ketua Jabatan hendaklah membayar EK dan EKA, mana yang berkenaan atas kadar yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 1988 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1990.

TARIKH KUATKUASA

5. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai 1 Ogos 1999.


PEMAKAIAN

6. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

PEMBATALAN

7. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 1997 adalah dibatalkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI DATO' SAMSUDIN BIN OSMAN)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
KUALA LUMPUR

| SEPTEMBER 1999

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y. B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan